

D.R. 10/2014

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Penjara 1995.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan pemulaan kuat kuasa

- 1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penjara (Pindaan) (No. 2) 2014.
(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

- 2.** Akta Penjara 1995 [*Akta 537*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

- (a)** dengan memasukkan selepas takrif “pengamal perubatan berdaftar” takrif yang berikut:

‘ “Pengarah Penjara Negeri” ertiya seseorang pegawai penjara di Negeri yang berkenaan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Komisioner Penjara;’;

- (b) dengan menggantikan noktah di hujung takrif “tempat kerja” dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “tempat kerja” takrif yang berikut:

“Timbalan Komisioner Jeneral Penjara” ertiya Timbalan Komisioner Jeneral Penjara yang dilantik di bawah subseksyen 10(2).’.

Pindaan seksyen 10

3. Seksyen 10 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Hendaklah dilantik apa-apa bilangan Timbalan Komisioner Jeneral Penjara, Komisioner Penjara, Timbalan Komisioner Penjara, Penolong Kanan Komisioner Penjara dan Penolong Komisioner Penjara, daripada kalangan pegawai penjara, dan apa-apa bilangan pegawai penjara yang perlu bagi menjalankan peruntukan Akta ini.”.

Pindaan seksyen 11

4. Seksyen 11 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Komisioner Penjara” dengan perkataan “Timbalan Komisioner Jeneral Penjara”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Komisioner Penjara” dengan perkataan “Timbalan Komisioner Jeneral Penjara”.

Pindaan seksyen 13

5. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Tugas Komisioner Jeneral, Pengarah Penjara Negeri dan Pegawai yang Menjaga”;

(b) dalam perenggan (1)(c)—

- (i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan (i);
- (ii) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (ii) dengan perkataan “; dan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:
“(iii) banduan yang dipindahkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IVB.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Tertakluk kepada perintah Komisioner Jeneral, Pengarah Penjara Negeri hendaklah bagi Negeri yang di bawah jagaannya—

- (a) menyelia dan mengawal Pegawai yang Menjaga, pusat latihan pegawai penjara, parol dan perkhidmatan komuniti; dan
- (b) bertanggungjawab kepada Komisioner Jeneral bagi—
 - (i) pematuhan sewajarnya oleh pegawai penjara dan banduan akan Akta ini dan semua undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan penjara, pusat latihan pegawai penjara, parol dan perkhidmatan komuniti;
 - (ii) pengawalseliaan apa-apa urusan yang berhubungan dengan Lembaga Hakim Pelawat;
 - (iii) pengurusan perkara yang berhubungan dengan pengampunan banduan; dan
 - (iv) pemindahan banduan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IVB.”.

Bahagian baru IVB

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 460 Bahagian yang berikut:

‘BAHAGIAN IVB**PEMINDAHAN ANTARABANGSA BANDUAN****Pemakaian Bahagian ini**

46P. Bahagian ini hendaklah terpakai hanya bagi banduan yang dipindahkan di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [Akta 754].

Tafsiran

46Q. Bagi maksud Bahagian ini—

“banduan yang dipindahkan” ertiya banduan yang dipindahkan di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012; dan

“Negara asing yang ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012.

Perintah Tetap Komisioner Jeneral yang berhubungan dengan banduan yang dipindahkan

46R. Komisioner Jeneral boleh membuat dan mengeluarkan perintah yang dipanggil Perintah Tetap Komisioner Jeneral di bawah seksyen 12 berkenaan dengan banduan yang dipindahkan yang hendaklah selaras dengan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu.

Peremitan hukuman bagi banduan yang dipindahkan

46s. (1) Berhubung dengan banduan yang dipindahkan ke Malaysia dari suatu Negara asing yang ditetapkan—

- (a) jika banduan itu tidak mendapat apa-apa peremitan hukuman di Negara asing yang ditetapkan itu, banduan yang dipindahkan itu hendaklah berhak diberikan peremitan yang dikira daripada baki hukumannya yang akan dijalani di Malaysia; atau
 - (b) jika banduan itu telah mendapat peremitan hukuman di Negara asing yang ditetapkan itu, banduan yang dipindahkan itu tidak berhak untuk mendapat apa-apa peremitan daripada baki hukumannya yang akan dijalani di Malaysia.
- (2) Tertakluk kepada subseksyen (1), seksyen 44 Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang berhubungan dengan peremitan hendaklah terpakai bagi banduan yang dipindahkan ke Malaysia dari suatu Negara asing yang ditetapkan.

Kuasa Lembaga Parol yang berhubungan dengan banduan yang dipindahkan

46T. (1) Lembaga Parol boleh—

- (a) mengubah atau meminda syarat sedia ada Perintah Parol yang telah dikeluarkan oleh Negara asing yang ditetapkan; atau
 - (b) mengenakan syarat lanjut ke atas Perintah Parol yang telah dikeluarkan oleh Negara asing yang ditetapkan.
- (2) Perintah Parol yang diubah atau dipinda atau apa-apa syarat lanjut yang dikenakan di bawah perenggan (1)(a) atau (b) hendaklah disifatkan sebagai Perintah Parol yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Parol.

(3) Jika banduan yang dipindahkan dari Negara asing yang ditetapkan gagal mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan dalam Perintah Parol yang dikeluarkan oleh Negara asing yang ditetapkan atau apa-apa syarat yang telah diubah atau dipinda atau apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga Parol, Lembaga Parol boleh menggantung atau membatalkan Perintah Parol tersebut.

Pengecualian syarat layak parol bagi banduan yang dipindahkan

46U. (1) Komisioner Jeneral hendaklah mengecualikan banduan yang dipindahkan dari Negara asing yang ditetapkan dan telah dilepaskan secara parol daripada syarat yang dinyatakan dalam perenggan 46E(3)(c).

(2) Komisioner Jeneral boleh mengecualikan banduan yang dipindahkan dari Negara asing yang ditetapkan dan belum dilepaskan secara parol daripada syarat yang dinyatakan dalam perenggan 46E(3)(c).’.

Pindaan Jadual Pertama

7. Jadual Pertama Akta ibu dipinda dengan memasukkan di bawah perkataan “Komisioner Jeneral Penjara” perkataan “Timbalan Komisioner Jeneral Penjara”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penjara 1995 (“Akta 537”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 537 untuk memasukkan takrif baru “Pengarah Penjara Negeri” dan “Timbalan Komisioner Jeneral”.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 537 untuk mengadakan peruntukan mengenai pelantikan Timbalan Komisioner Jeneral Penjara.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 537 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2 dan 10 mengenai penjalanan dan pelaksanaan tugas oleh Timbalan Komisioner Jeneral Penjara semasa ketiadaan atau ketidakupayaan Komisioner Jeneral.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 537 untuk mengadakan peruntukan mengenai tugas Pengarah Penjara Negeri.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IVB yang mengandungi seksyen baru 46P, 46Q, 46R, 46S, 46T dan 46U ke dalam Akta 537. Bahagian baru ini memperkatakan tentang banduan yang dipindahkan di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [Akta 754]. Seksyen baru 46P yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Bahagian baru ini hendaklah terpakai bagi banduan yang dipindahkan di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012. Seksyen baru 46Q yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan takrif “banduan yang dipindahkan” dan “Negara asing yang ditetapkan”. Seksyen baru 46R yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan Perintah Tetap Komisioner Jeneral yang hendaklah selaras dengan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu. Seksyen baru 46S yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai peremitan hukuman untuk banduan yang dipindahkan. Seksyen baru 46T yang dicadangkan bertujuan untuk menyatakan kuasa Lembaga Parol yang berhubungan dengan banduan yang dipindahkan. Seksyen baru 46U yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan pengecualian syarat layak parol oleh Komisioner Jeneral bagi banduan yang dipindahkan.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Akta 537 untuk memasukkan Timbalan Komisioner Jeneral Penjara di bawah senarai Pegawai Kanan Penjara.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2920]